

SOALAN NO : 32

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM
[PORT DICKSON]**

TARIKH : 16 OKTOBER 2019 (RABU)

SOALAN NO. 32

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sejauh mana keberkesanan program atau latihan yang disediakan terutama kepada graduan yang menganggur serta langkah proaktif dalam menyediakan peluang pekerjaan kepada mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia melalui Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) telah memperkenalkan Program *Graduates Enhancement Programme For Employability (GENERATE 2.0)* sebagai salah satu usaha memastikan graduan menganggur dapat dilatih dengan kemahiran yang diperlukan oleh majikan dan seterusnya mendapat penempatan pekerjaan bagi membantu menangani isu pengangguran di Malaysia.
2. Dari tahun 2016 hingga Jun 2018, seramai 4,030 graduan telah dilatih dengan bantuan kewangan diluluskan berjumlah RM76.95 juta. Buat masa ini, seramai 231 graduan sedang menjalani latihan di mana bantuan kewangan diluluskan berjumlah RM1.7 juta. Para peserta program ini akan ditempatkan di dalam pekerjaan dengan gaji yang berpadanan mengikut jawatan dan lokasi majikan. Dijangkakan lebih 1,000 para graduan yang menganggur akan menyertai program ini dalam tempoh beberapa bulan yang akan datang.